



Tinjauan di Jalan Silang selepas digempur pihak berkuasa.  
(Foto Asyraf Hamzah/BH)

'Mini Dhaka' digempur

# DBKL diarah pantau penyewaan lesen kepada warga asing

Penjaja gesa tindakan gempur PATI diperluaskan ke seluruh negara

Oleh Azhar Shahrulnizam  
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) diarah memastikan isu penyewaan lesen perniagaan kepada warga asing tanpa dokumen sah dan pengambilan pekerja dalam kalangan pendatang asing tanpa izin (PATI) dibanteras sebaiknya.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Dr Zaliha Mustafa, berkata DBKL perlu memastikan tinjauan dan pemantauan terhadap premis perniagaan di sekitar ibu kota dilakukan secara berkala.

"Saya maklum dan berterima kasih kepada Pasukan Gerakan Am (PGA), Polis Diraja Malaysia (PDRM) atas tindakan menyerbu dan menangkap PATI di Jalan Silang dua hari lalu.

"Saya juga sudah arahkan DBKL untuk lakukan tinjauan dan pemantauan berkala terhadap premis perniagaan di sekitar Kuala Lumpur," katanya melalui kenyataan, semalam.

Beliau berkata demikian mengulas tindakan pihak berkuasa menggempur Jalan Silang, di sini, yang menjadi tumpuan warga asing khususnya dari Bangladesh sehingga diberi jolokan 'Mini Dhaka' pada Khamis lalu.

Seramai 1,101 warga asing ditahan dalam operasi bersepadu itu yang dijalankan susulan aduan berkaitan kebanjiran warga asing serta aktiviti jena-

yah membabitkan golongan itu di lokasi terbabit.

Dalam pada itu, Dr Zaliha turut mengingatkan pemilik premis perniagaan supaya mematuhi peraturan ditetapkan DBKL khususnya membabitkan PATI bagi mengelak risiko penarikan atau penggantungan lesen perniagaan mereka.

"Saya menyeru semua pemilik premis di Kuala Lumpur untuk menggunakan saluran yang betul jika berhasrat untuk mengambil pekerja asing dan mengelak daripada menggajikan PATI," katanya.

## Perlu usaha berterusan

Sementara itu, Presiden Gabungan Persatuan Penjaja dan Peniaga Malaysia, Datuk Seri Rosli Sulaiman, berkata tindakan menggempur warga asing seperti di Jalan Silang pada Khamis lalu perlu diperluaskan ke seluruh negara, selain ada usaha berterusan untuk memastikan negara bersih daripada PATI.

Beliau berkata, jika isu ini dibiarkan berlarutan, PATI akan berasakan seolah-olah negara ini tidak akan mengambil tindakan terhadap mereka.

"Jika mahu mengambil pekerja asing, kita perlu pastikan mereka masuk ke negara ini secara sah dan menggunakan saluran betul. Jangan biarkan mereka duduk terlalu lama di

sini sehingga semua subsidi diberikan kepada rakyat tempatan juga dinikmati mereka.

"Tindakan menggempur PATI ini juga membantu penjaja kecil di sekitar ibu kota, terutama penjaja tempatan. Kita (penjaja kecil) sukar untuk menjana pendapatan kerana terpaksa bersaing dengan warga asing.

"Jadi, kita minta PATI ini tidak dibenar daripada terbabit sektor penjaja. Jika mereka mahu menjadi usahawan dan mempunyai modal berjuta, kami tidak ada masalah.... namun kalau mereka ingin terbabit dalam sektor penjaja kecil, ini kita perlu halang kerana kami tidak mahu ia berlaku," katanya.

Mengulas lanjut, beliau memberi contoh di Jalan Silang yang menyaksikan ramai dalam kalangan warga asing Rohingnya, Bangladesh dan Pakistan berniaga di situ, termasuk ramai yang berstatus PATI.

"Jika kita pergi ke Jalan Silang, kita dapat lihat warga asing di sana tidak menjaga kebersihan. Ada yang makan sيره kemudian meludah merata-rata sehingga meninggalkan kesan merah pada dinding.

"Orang tempatan tidak mahu pergi ke tempat itu kerana kotor. Jika kita sayangkan negara kita, kita kena pastikan rakyat tempatan ini yang perlu dijaga dan bukannya warga asing," katanya.

Orang tempatan tidak mahu pergi ke tempat itu kerana kotor. Jika kita sayangkan negara kita, kita kena pastikan rakyat tempatan ini yang perlu dijaga dan bukan warga asing

Rosli Sulaiman,  
Presiden Gabungan Persatuan Penjaja dan Peniaga Malaysia

